

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 June 2015

Tun M diminta henti serangan terhadap Najib

PONTIAN 13 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta menghentikan serangan terhadap Datuk Seri Najib Tun Razak kerana tindakan itu boleh membawa kesan negatif terhadap ekonomi negara.

Ketua Penerangan UMNO, Datuk Ahmad Maslan berkata, kesemua 15 perkara yang dibangkitkan sebelum ini telah dijawab oleh Perdana Menteri.

“Seperti mana yang dinyatakan oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Aziz, ekonomi negara masih berada pada asas-asas yang betul berdasarkan pada rizab yang kukuh, ekonomi berkembang dengan positif, inflasi terkawal dan kadar pengangguran yang rendah.

“Namun isu serangan yang di-

lakukan oleh Dr. Mahathir ditambah dengan sokongan pihak tertentu turut dikatakan menjadi faktor kepada penyusutan ringgit ketika ini,” katanya kepada pemberita selepas majlis meraikan persaraan Ketua-Ketua Kampung Daerah Pontian di Kompleks Usahawan, di sini hari ini.

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Pontian menegaskan, Najib tidak akan meletak jawatan hanya disebabkan oleh permintaan seorang individu.

“Rakyat akhirnya akan tahu apa yang dilakukan oleh bekas Perdana



AHMAD MASLAN

Menteri tidak membawa sebarang kebaikan sebaliknya telah menjatuhkan imej dan maruah negara di mata dunia,” ujarnya.

Ditanya kesan berterusan jika berlaku penyusutan nilai ringgit, katanya, ia akan menyebabkan barangan import mengalami kenaikan harga disebabkan urus niaga menggunakan dolar

Amerika.

“Jika keadaan itu berlaku, keadaan ekonomi negara bertambah sukar, biarpun pada dasarnya ia tidak akan berlaku dengan adanya asas ekonomi yang kukuh, namun dibimbangi perkara itu tidak dapat dielakkan,” katanya.

Um - 14/6/2015